

## **BAB IV**

### **KESAN-KESAN AUKU**

Perbincangan dalam bab keempat ini adalah mengenai kesan-kesan yang wujud ekoran dari kewujudan dan pelaksanaan AUKU (Pindaan) 1975. Walau bagaimanapun, kesan-kesan AUKU ini boleh pula dibahagikan kepada beberapa kategori seperti kesan terhadap pelajar, tenaga pengajar dan kepada pihak pentadbiran sendiri. Lantaran itu tumpuan perbincangan ini adalah berkaitan dengan kesan-kesan AUKU (Pindaan) 1975 terhadap golongan pelajar. Kesan-kesan tersebut tidak termasuk kesan terhadap prestasi akademik pelajar.

Pelbagai pihak telah menyuarakan pandangan terhadap AUKU yang kebanyakannya adalah mengenai pengaruh negatif AUKU terhadap golongan pelajar. Adalah diharapkan agar liputan dalam bab ini akan mampu mengetengahkan pengaruh AUKU (Pindaan) 1975 terhadap kehidupan pelajar di universiti tempatan di negara ini.

Dalam banyak kesan yang dihubung kaitkan dengan pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975, antara yang hangat dan sering dibincangkan ialah soal kebebasan golongan pelajar di bawah pengawasan ini. Lebih banyak kedengaran sehubungan dengan ini ialah betapa AUKU lebih banyak memberikan kesan negatif berbanding kesan positif yang diharapkan. Nyatahalah bahawa golongan pelajar lebih merasai kesan akta ini berbanding golongan lain. Ini jelas dengan kewujudan beberapa peruntukan dalam AUKU yang dilihat terlalu menghalang kebebasan pelajar institusi pengajian tinggi di negara ini.

#### **4. 1 Kesan AUKU Terhadap Kehidupan Pelajar.**

##### **4. 1. 1 Pelajar Pro Pembangkang**

Memang lumrah untuk beralih kepada pihak lain sekiranya permintaan dan pendapat sesuatu pihak tidak diberi perhatian oleh pihak yang diharapkan.

Ini kadarig-kala bukan sahaja didorong oleh faktor putus-asa namun lebih dari itu ialah mencari platform untuk menyuarakan pendapat, pandangan dan pendirian yang selama ini menjadi prinsip perjuangan sesuatu persatuan atau kegiatan. Walau bagaimanapun, ia adalah pandangan umum yang sudah pasti tidak mencerminkan pendirian sebenar golongan pelajar sekarang ini. Malah persoalan ini perlu digarap secara teliti untuk melihat dan memahami apa yang sebenarnya terjadi dan duduk perkara sebenarnya. Termasuk sama ialah sama ada memang betul golongan pelajar beralih menyokong pihak pembangkang atau pihak pembangkang yang bijak menangguk di air keruh. Turut tidak dinafikan juga ialah kemungkinan ada pihak lain yang menggunakan suasana ini untuk menjayakan hasrat terpendam masing-masing.

Menganggap para pelajar menyokong pembangkang samalah ertinya dengan memberi label golongan ini sebagai anti kerajaan. Ini berdasarkan kenyataan bahawa golongan pembangkang adalah golongan yang dalam banyak hal tidak sehaluan dengan kerajaan. Sesungguhnya dakwaan ini walaupun tidak semuanya betul, sedikit sebanyak dilihat ada kebenarannya berdasarkan beberapa kejadian sejak kebelakangan ini.

Isu penyertaan pasukan kriket dari Israel misalnya pernah menjadi isu hangat yang membawa kepada tunjuk perasaan anti Israel di perkarangan

masjid ar-Rahman di depan pintu masuk Universiti Malaya pada tahun 1996. Sehubungan itu sejumlah pelajar universiti tempatan dan pengikut Parti Islam SeMalaysia (PAS) telah ditahan polis. Maka timbulah berita mengatakan kononnya tunjuk perasaan tersebut ditaja oleh PAS walaupun pemimpin PAS sendiri menafikannya. Sebaliknya kenyataan beberapa pemimpin PAS yang mempertahankan tunjuk perasaan tersebut dilihat bersimpati dengan penahanan pelajar-pelajar tersebut serta dijadikan bukti pembabitan PAS dalam peristiwa tersebut dengan tujuan menjadikan golongan pelajar sebagai 'kuda tunggangan' mereka. Malah di pihak pelajar sendiri menafikan yang mereka telah diperalatkan oleh mana-mana pihak untuk mencapai sesuatu tujuan.

Kecenderungan pelajar untuk menyokong pembangkang tidak bermakna ia adalah pendirian keseluruhan pelajar. Malah PBMUM misalnya adalah kuat dipengaruhi oleh Angkatan Belia Islam Malaysia yang pro kerajaan. Sebaliknya ia bolehlah dianggap sebagai suara segelintir dari mereka sahaja. Maka dalam hal ini Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM) dan Persatuan Mahasiswa Akademi Islam Universiti Malaya (PMAIUM) dilihat lebih menepati dakwaan tersebut. Ini kerana kedua-duanya memperjuangkan konsep amar makruf nahi mungkar yang sudah pasti ada persamaan dengan prinsip perjuangan PAS. Jika diperhatikan ini ada kaitan dengan semangat kebangkitan semula Islam sejak kebelakang ini yang telah memberi nafas baru dalam

perjuangan pelajar. Cuma idealisme ini jika tidak dikawal mungkin akan mencetuskan gejala yang tidak diingini.

**JADUAL 4.1 HUBUNGAN MAHASISWA DENGAN BADAN POLITIK DAN KEAGAMAAN**

Badan	Parti Pembangkang	Parti Pemerintah	Keagamaan
Sangat Digalakkan	20 (2.1%)	29 (3.1%)	22 (2.4%)
Digalakkan	87 (9.3%)	192 (20.6%)	78 (8.4%)
Terserah pada individu	638 (68.3%)	611 (65.4%)	612 (65.5%)
Tidak Digalakkan	137 (14.7%)	83 (8.9%)	176 (18.8%)
Sangat tidak Digalakkan	50 (5.4%)	18 (1.9%)	41 (4.4%)
Tiada Jawapan	2 (0.2%)	1 (0.1%)	5 (0.5%)

Sumber: *Dewan Masyarakat*, Ogos 1993. m.s 43.

Maklumat dari Jadual 4.1 menunjukkan pandangan mahasiswa terhadap perhubungan mahasiswa dengan badan politik sama ada pemerintah atau pembangkang dan juga badan keagamaan. Peratus yang bersetuju (digalakkan) terhadap hubungan mahasiswa dengan parti pemerintah adalah 23.7 peratus berbanding 11.4 peratus kepada pembangkang dan bakinya badan keagamaan pada 10.8 peratus. Dari Jadual 4.1 juga dapat dikaitkan bahawa peratus mahasiswa yang berpendapat tidak perlu mengadakan hubungan dengan parti pembangkang (20.1%) adalah lebih tinggi berbanding dengan parti pemerintah (10.8%). Kesimpulannya ialah adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa mahasiswa hari ini sebagai pro pembangkang dan bersifat anti kerajaan. Namun dalam proses untuk mewujudkan '*check and balance*' yang lebih berkesan, golongan pelajar dilihat seolah-olah berhaluan kiri dalam memperjuangkan idealisme mereka.

Sesungguhnya satu lagi perkara penting yang tidak boleh diketepikan begitu saja ialah kemampuan pihak pembangkang 'mengambil hati' golongan pelajar bilamana setiap kali wujud situasi yang menekan pelajar. Di sinilah mainan kata-kata pihak pembangkang dilihat mampu memikat sikap dan pendirian pelajar melalui kenyataan-kenyataan yang menunjukkan simpati dengan nasib yang dialami oleh pelajar. Bagi pelajar ini sudah tentu sangat bermakna ketika banyak pihak lain menekan mereka maka ia ibarat kata

pepatah, "Tiada tali akar pun berguna". Dalam pilihanraya kampus misalnya, PAS bertindak lebih jauh dengan memberi sokongan dan bantuan untuk membantu kejayaan sesuatu pihak yang mempunyai kepentingan dengan perjuangan PAS.<sup>86</sup> Keadaan ini bukan sahaja boleh mempengaruhi keputusan pilihanraya kampus tersebut namun turut menyemai bibit-bibit perjuangan yang dirancangkan.

Isu penglibatan mahasiswa dalam kempen-kempen pilihanraya umum bukanlah suatu yang asing lagi baik ianya berlaku secara terbuka mahupun sembunyi. Sebagai contohnya segelintir pelajar dari Universiti Malaya (UM), Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pernah terbabit dengan Barisan Mahasiswa Negara (BMN) yang secara terang-terangan menyokong pembangkang dalam pilihanraya umum.<sup>87</sup> Raja Shahdan dari UPM pula disifatkan sebagai penyokong kuat pembangkang dan pernah menjadi naib ketua pergerakan pemuda sebuah parti pembangkang di Raub.<sup>88</sup> Lantaran itu pelajar universiti dinasihatkan agar tidak diperalatkan oleh mana-mana parti politik sepanjang kempen pilihanraya berlangsung. Naib Canselor Universiti Malaya, Datuk Dr. Abdullah Sanusi Ahmad menegaskan "perbuatan

<sup>86</sup> *Utusan Malaysia*. 12 Mac 1985. m.s 8.

<sup>87</sup> *Majalah Varsiti 95/95*. Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya. Kuala Lumpur. 1995. m.s 164.

<sup>88</sup> Ibid. m.s 164.

berkempen sepanjang pilihanraya adalah melanggar Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU)".<sup>89</sup>

Selain dari apa yang disebutkan gerakan pelajar juga berfungsi sebagai agen '*check and balance*' terhadap kerajaan. Pendekatan menegur bila terdapat kepincangan sudah tentu mirip kepada pembangkang. Manakala tindakan kerajaan yang tidak mahu berlembut dengan pelajar dilihat sebagai sikap berhati-hati dan cuba menyekat pengaruh pelajar dari berleluasa.

Apa sekalipun, anggapan bahawa pelajar menyokong pembangkang seharusnya tidak menggelapkan mata semua pihak bahawa di kalangan pelajar juga ada yang menjadi proksi pihak pemerintah. Cuma kadang-kala hal ini lebih ketara di pihak yang boleh disifatkan sebagai "menongkah arus". Perlu diingat bahawa sokongan pelajar terhadap pembangkang akan terus wujud selagi layanan dan penerimaan yang 'keras' masih menjadi prinsip pihak pentadbiran mahupun pihak pemerintah.

#### **4. 1. 2 Perpecahan Di Kalangan Pelajar**

Generasi pelajar sebelum akta selalu disebut sebagai generasi pelajar yang peka dan bertanggungjawab terhadap sesuatu permasalahan yang timbul

---

<sup>89</sup> *Majalah Varsiti 94/ 95*. Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya. Kuala Lumpur. 1995. m.s 177.

dalam masyarakat. Ini bukan hanya bersandarkan kepada kelantangan suara mereka sahaja malah turut mengambil kira pengaruh mereka dalam proses membuat sesuatu keputusan terutama di pihak pentadbir dan juga pemerintah. Kesemua ini adalah lahir dari perpaduan dan kerjasama golongan pelajar ketika itu, bak kata pepatah 'bulat air kerana pembentung bulat manusia kerana muafakat'. Suasana ini sudahpun berubah selepas wujudnya Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975.

Penyertaan pelajar dalam kegiatan berpersatuan antara faktor yang sangat mempengaruhi kesinambungan gerakan pelajar sebagaimana yang ketara dalam tahun-tahun 1960an dan 1970an. Apa yang jelas ialah generasi pelajar sebelum akta tidak banyak terdedah dengan pelbagai persatuan yang boleh mendorong kepada wujudnya perpecahan di kalangan mereka. Di Universiti Malaya misalnya, wujud dua persatuan pelajar yang sangat berpengaruh iaitu Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) dan Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM). Namun semenjak tahun 1975 (selepas pindaan AUKU) sehingga Januari 1987, di Universiti Malaya sahaja terdapat 86 buah persatuan dan badan-badan pelajar yang berdaftar dengan Majlis Universiti.<sup>90</sup>

---

<sup>90</sup> Maklumat Pelajar Sesi 1995/96. Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 1995. m.s 25.

Pertambahan bilangan persatuan dan badan-badan pelajar boleh dijadikan petanda kepada peningkatan aktivisme pelajar dalam persatuan. Dari segi ini nampaknya AUKU membawa suatu yang positif untuk warga kampus. Hakikatnya pertambahan ini hanyalah melibatkan kuantiti tanpa menyentuh aspek kualiti yang menentukan arah tuju sebenar kegiatan pelajar. Dalam konteks ini mahasiswa sebelum akta sudah pasti kurang aktivisme persatuan jika dibandingkan dengan mahasiswa selepas akta tetapi mereka diakui sebagai generasi yang lebih sensitif, bertanggungjawab dan berani dalam mengungkapkan sesuatu permasalahan yang melanda masyarakat.

Semakin banyak persatuan dan badan-badan pelajar semakin sukar untuk menyatukan pelajar seterusnya melayukkan suara mereka didengar. Paling tidak akan mewujudkan 'factions' atau keadaan berpuak-puak. Ini sebagaimana dinyatakan, "Masalah perpaduan adalah antara masalah utama yang dihadapi di Malaysia".<sup>91</sup> Inilah sebenarnya yang dikehendaki oleh pihak kerajaan untuk menangani kemelut kebangkitan golongan pelajar. Bilamana ada suara pelajar baik berupa desakan, permintaan mahupun kritikan, ianya akan disifatkan sebagai tidak mewakili majoriti dan akan lenyap begitu sahaja.

---

<sup>91</sup> Abd. Halim Lim Abdullah. "Perhubungan Etnik di Universiti Malaya: Khasnya Perhubungan Antara Mahasiswa Melayu dan Mahasiswa Cina". Latihan Ilmiah Sarjana Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran. Universiti Malaya. 1991. m.s 171.

Sama ada disedari atau tidak pihak universiti seolah-oleh merestui kewujudan badan-badan pelajar tersebut dengan alasan untuk membantu perkembangan dan kematangan pelajar. Kemunculan persatuan anak negeri misalnya memberi implikasi yang serius terhadap persoalan perpaduan di kalangan masyarakat kampus. Ini akan menggalakkan sentimen kedaerahan dengan penggunaan loghat masing-masing. Jika ini tidak penting apa halnya dengan kewujudan badan-badan pelajar yang bercirikan bangsa yang secara tidak langsung menjerumuskan pelajar kepada fanatisme agama. Hakikatnya generasi pelajar hari ini bukan sahaja 'dipaksa' berpecah mengikut bangsa, turut pula dikategorikan mengikut bidang pengajian, sentimen kedaerahan dan juga agama.

Kecenderungan pelajar hari ini ialah menyertai kegiatan yang dianjurkan oleh persatuan anak negeri. Faktor ikatan 'paramodial' ini sudah cukup sinonim dengan aktivisme mereka. Apa tidaknya jika setiap persatuan anak negeri mahupun badan-badan pelajar lain masing-masing mempunyai presiden dan ahli jawatankuasa tersendiri. Hal ini boleh menyebabkan wujud pertindihan kepentingan yang mampu mencetuskan perpecahan di kalangan pelajar.

Hari ini Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) kehilangan sokongan yang memungkinkan ianya berfungsi dan dihormati. Contoh paling ketara ialah

berdasarkan peratus keluar mengundi dalam pilihanraya kampus yang diadakan setiap tahun. Laporan peratus mengundi di Universiti Malaya pada 30 November 1994 menunjukkan hanya sebanyak 71.68 peratus pelajar yang keluar mengundi daripada seramai 11,239 orang pelajar yang layak mengundi. Baki 28.32 peratus lagi membuktikan tidak semua pelajar prihatin atau dengan lain perkataan mereka meletakkan kepentingan yang amat rendah terhadap badan induk pelajar itu.

**JADUAL 4. 2: PENGLIBATAN PELAJAR DALAM MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)**

	Pernah bertanding		Penglibatan dalam projek MPP	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Ya	17	18	102	10.9
Tidak	912	97.6	822	88.0
Tiada jawapan	5	0.5	10	1.0

Sumber: *Dewan Masyarakat*, Ogos 1993. m.s 44.

Penglibatan pelajar dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sudah tidak mendapat tempat lagi dalam warga kampus. Berdasarkan Jadual 4.2, jelas bahawa kecenderungan untuk menjadi ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) adalah sangat rendah iaitu di paras 1.8 peratus. Demikian juga dengan kadar penglibatan dalam aktiviti-aktiviti anjuran MPP yang hanya pada 10.9 peratus. Situasi sebegini menunjukkan MPP sudah jauh ketinggalan dari segi kepentingannya terhadap warga kampus berbanding persatuan-persatuan anak negeri dan badan-badan keagamaan lain yang wujud. Perpecahan sebegini rupa bukan sahaja akan melemahkan suara pelajar malah faktor utama menyumbang kepada wujudnya polarisasi di kalangan pelajar. Polarisasi ini boleh berlaku dalam berbagai bentuk misalnya polarisasi mengikut semangat kenegerian, etnik, agama dan bidang pengajian.

#### **4. 1. 3 Bidang Gerakan Pelajar Terbatas**

Sebagai golongan yang mendapat didikan dan pendedahan dalam pelbagai jenis disiplin (ilmu), sewajarnyalah golongan pelajar di institusi pengajian tinggi dinobatkan sebagai golongan yang paling luas pemikirannya. Ini sememangnya sesuai dengan konsep pendidikan bersepadu yang bermatlamat melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek dan kemanusiaan. Maka suara 'keramat' mereka seharusnya tidak diketepikan begitu sahaja dalam membuat sesuatu perkiraan dan pertimbangan.

Golongan pelajar hari ini sudah tidak mahu dan tidak mampu untuk mendesak pihak-pihak tertentu terutamanya pihak pemerintah menimbang idea-idea mereka. Sebaliknya mereka lebih selesa dengan menumpukan kepada soal-soal kebijakan mereka seperti masalah penempatan, kelewatan pembayaran biasiswa dan pinjaman, masalah konsert dalam kampus dan isu-isu lain yang berlaku dalam kampus. Fenomena ini seolah-olah memperlihatkan kepada umum bahawa mahasiswa hari ini sudah mengamalkan dasar tutup pintu dari mencampuri isu-isu luar kampus ataupun isu-isu nasional. Masyarakat semakin keliru sama ada mahasiswa benar-benar 'dibekukan' atau sengaja 'membatukan' diri dari dunia luar kampus.

Sementara bahang kegawatan ekonomi negara kian terasa ekoran kesan kejatuhan nilai mata wang negara, pelbagai golongan tampil dengan buah fikiran masing-masing yang matlamatnya hanyalah satu iaitu untuk membantu memulihkañ ekonomi negara. Bermula dengan pemotongan gaji di peringkat menteri dan pegawai-pegawai kerajaan, golongan guru mengesyorkan penubuhan Tabung Ekonomi Pendidikan untuk mengimbangi sebarang pengurangan dalam peruntukan pendidikan negara. Namun yang masih ditunggu-tunggu ialah 'buah tangan' dari menara gading (mahasiswa). Dalam hal ini pelajar Indonesia lebih lantang melalui bantahan mereka terhadap

perjanjian Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) di Jakarta sambil menjual poster-poster "IMF- ejen negara-negara kapitalis".<sup>92</sup>

Isu pembinaan lebuh raya merentasi kampus Universiti Malaya telah menarik minat Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya untuk mengadakan pungutan suara melibatkan 14 000 penuntut yang menunjukkan 80 peratus daripadanya tidak bersetuju dengan cadangan lebuh raya tersebut.<sup>93</sup> Reaksi yang ditunjukkan oleh PMUM ini membayangkan betapa mereka mengambil berat terhadap isu yang secara langsung menyentuh kawasan kampus berbanding isu kemuraman ekonomi yang berlaku 'di luar' kawasan kampus. Hanya beberapa kerat tulisan yang mampu disumbangkan oleh generasi mahasiswa sebagai tanda sokongan itupun lebih sebagai kritikan kepada mahasiswa sendiri yang mengambil sikap tunggu dan lihat.<sup>94</sup> Malah Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin semasa melancarkan Kempen Patriotisme Kebangsaan menyarankan agar pelajar memainkan peranan utama dalam menyebarkan keyakinan orang ramai terhadap ekonomi negara.<sup>95</sup> Jika dulu mahasiswa sangat sensitif dengan penyertaan pasukan kriket Israel, tetapi kini mereka seolah-olah terlupa bahawa orang yang memporak-porandakan ekonomi ekonomi negara adalah juga dari bangsa Israel.

<sup>92</sup> *Utusan Malaysia*. 14hb. Januari 1998. m.s.

<sup>93</sup> *Utusan Malaysia*. 10hb. Februari 1998. m.s 5.

<sup>94</sup> *Berita Harian*. 13hb. Januari 1998. m.s 9. Lihat juga *Utusan Malaysia*. 19hb. Januari 1998. m.s 37.

<sup>95</sup> *Utusan Malaysia*. 16hb. Februari 1998. m.s 26.

Mengimbau dekad 70an dahulu, mahasiswa memainkan peranan penting dalam masyarakat yang diwakili dan disertainya. Kini mereka seolah-olah lupa yang mereka adalah dari masyarakat dan akan pulang berkhidmat dengan masyarakat. Kebajikan mereka lebih diutamakan berbanding memperjuangkan kebijakan masyarakat keseluruhan. Skop perjuangan mahasiswa semakin hari semakin sempit dengan memusatkan perhatian terhadap apa yang berlaku dan mempunyai perkaitan dengan kampus semata-mata.

#### 4. 1. 4 Penguasaan Badan Hal Ehwal Pelajar (HEP)

Bahagian Hal Ehwal Pelajar ataupun HEP mula diwujudkan pada tahun 1975 yakni selepas pindaan dibuat terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Tugas bahagian Hal Ehwal Pelajar ialah untuk menyelaras kegiatan pelajar di setiap universiti. Ini bermaksud menyelaras dan menggalakkan pelajar-pelajar supaya aktif dalam organisasi agar dapat membina kualiti kepimpinan dan pemikiran serta nmenghubungkan diri dengan masyarakat.<sup>96</sup> Walau bagaimanapun, objektif utama diwujudkan badan ini adalah untuk mengawal semua jenis kegiatan membabitkan pelajar yang dijalankan oleh badan-badan pelajar di sesebuah universiti.

---

<sup>96</sup> *Ummi*. September/ Oktober 1997. m.s 24.

Dengan adanya sebuah badan seperti Hal Ehwal Pelajar (HEP) ini, semua kegiatan dan aktiviti yang hendak dijalankan mestilah terlebih dahulu dimaklumkan dan perlu pula mendapat kelulusan dari badan tersebut. Pada tahap inilah wujud ketidakpuasan hati akibat 'tapisan' yang terlalu ketat dan ada kalanya '*bias*' ke arah sesuatu pihak. Wujud kes di mana badan pelajar gagal mendapat kelulusan HEP bilamana sesuatu aktiviti yang dirancang melibatkan pihak pembangkang.

Falsafah universal sesebuah universiti itu adalah ianya sebagai satu institusi keilmuan dan pendidikan, satu masyarakat pelajar dan cendiakawan; komitmen utamanya ialah mencari ilmu dan kebenaran; kebebasan berfikir, memberi pendapat dan membuat penyelidikan,<sup>97</sup> yang semua ini memerlukan satu elemen penting yakni kebebasan. Pengawasan yang terlalu ketat oleh badan HEP membantut pelaksanaan falsafah universiti seperti yang diungkapkan di atas. Beberapa perkara perkara dalam kandungan akta ini, memang mengongkong kegiatan pelajar kerana melaluinya (HEP), pelajar dilarang mengenalpasti projek yang berkepentingan kepada pelajar.<sup>98</sup>

Meskipun ada yang berpendapat kerjasama antara HEP dengan pelajar penting untuk menentukan kegiatan-kegiatan itu selari, tepat dan relevan

<sup>97</sup> Zakaria Hashim. *Seminar Kebebasan Akademik dan Peranan Tenaga Pengajar Di Universiti-Universiti Di Malaysia*. 26hb. Mac 1983. Universiti Teknologi Malaysia. Kuala Lumpur. m.s 2.

<sup>98</sup> Dewan Masyarakat. September 1987. m.s 36.

dengan pendekatan akademik dan perkembangan profesional,<sup>99</sup> kongkongan keterlaluan juga mampu mengikis daya intelektual mahasiswa. Sesuai dengan suasana masyarakat hari ini yang terlalu mementingkan *paper qualification*, mahasiswa akan merasa tekanan untuk terus berorganisasi kecuali menumpukan perhatian kepada buku dan peperiksaan.

Tidak dinafikan juga dalam suasana negara yang bertambah baik terutama keadaan ekonominya membuatkan golongan pelajar merasakan perjuangan mereka untuk memperjuangkan kemiskinan sudah tidak relevan lagi dengan keadaan semasa. Mereka mungkin lupa bahawa masalah seperti rasuah, ketidakseimbangan agihan pendapatan, isu bahasa kebangsaan, keruntuhan moral muda-mudi masih menunjang persoalan semasa. Malah fenomena hari ini jika dibandingkan dengan dua atau tiga puluh tahun dulu lebih mencabar dan lebih menuntut keprihatinan mahasiswa untuk menyumbang suara dan tenaga mereka.

---

<sup>99</sup> *Dewan Masyarakat*, September 1987, m.s 39.